

DALAM MAHKAMAH SESYEN JENAYAH 15

DI MAHKAMAH KUALA LUMPUR

KES JENAYAH WA-62D-400-06/2017

RAYUAN JENAYAH WA-42LB-39-07/2018

ANTARA

PENDAKWA RAYA

PERAYU

LAWAN

CHAN KOK HONG

RESPONDEN

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Pendahuluan**

Ini adalah rayuan oleh pihak Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah pada 13 Julai 2018 di mana Responden dilepas dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan berhubung dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) ADB 1952, Akta yang sama.

## **PERTUDUHAN**

### **PERTUDUHAN PINDAAN**

BAHAWA KAMU PADA 15/03/2017 JAM LEBIH KURANG 08.30 MALAM DI HADAPAN 99 SPEED MART SDN. BHD. NO. 289 & 291 (G) JALAN MAHKOTA TAMAN MALURI 55100 KUALA LUMPUR DALAM DAERAH CHERAS DI DALAM BANDARAYA KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN TELAH DIDAPATI DALAM KAWALAN DAN PEMILIKAN KAMU 33.11 GRAM METHAMPHETAMINE. OLEH YANG DEMIKIAN, KAMU TELAH MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 12(2) AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 YANG BOLEH DIHUKUM DI BAWAH SEKSYEN 39A(2) AKTA YANG SAMA.

### **HUKUMAN**

JIKA DISABITKAN KESALAHAN KAMU BOLEH DIKENAKAN HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP ATAU TIDAK KURANG DARI LIMA TAHUN DAN JUGA AKAN DIKENAKAN HUKUMAN SEBAT TIDAK KURANG DARIPADA SEPULUH SEBATAN.

### **PERTUDUHAN TAMBAHAN**

BAHAWA KAMU PADA 15/03/2017 JAM LEBIH KURANG 08.30 MALAM BERTEMPAT DI PEJABAT BAHAGIAN SIASATAN JENAYAH NARKOTIK, DI DALAM DAERAH CHERAS, DALAM BANDARAYA

KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN DIDAPATI KAMU MENGGUNAKAN ATAU MEMASUKKAN ‘METHAMPHETAMINE’ KE DALAM BADAN KAMU SENDIRI. OLEH YANG DEMIKIAN, KAMU TELAH MELAKUKAN SATU KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 15(1)(a) AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 (PINDAAN AKTA A1167/2002) YANG BOLEH DIHUKUM DI BAWAH SEKSYEN YANG SAMA.

1. Pihak pendakwaan telah memanggil seramai lima (5) orang saksi untuk memberi keterangan di Mahkamah bagi membuktikan elemen-elemen pertuduhan yang dikenakan terhadap Tertuduh, seperti berikut:-

No.	Saksi	Peranan
SP1	Lans Koperal Kong Kim Loong	Jurustor
SP2	Inspektor Wan Mohammad Fauzie bin Wan Daud	Ketua Pegawai Serbuan / Pengadu
SP3	Encik Nasir Kunju bin Abdul Karim	Ahli Kimia
SP4	Sarjan Munusamy a/l Ganeson	Anggota Serbuan
SP5	Inspektor Mohd Alifh bin Abu Hassan	Pegawai Penyiasat

2. Mahkamah perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Tertuduh pada akhir kes pendakwaan menurut peruntukan **Seksyen 180 Kanun Prosedur Jenayah**. Oleh itu, penilaian yang maksimum terhadap keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan perlu dibuat dan dinilai oleh Mahkamah. Penilaian tersebut perlu dibuat berdasarkan kepada kredibiliti saksi-saksi pendakwaan dan inferens yang tertentu daripada keterangan pihak pendakwaan perlu dibuat jika diperlukan. Jika terdapat dua inferens daripada keterangan pihak pendakwaan, maka inferens yang memihak kepada Tertuduh harus diterima oleh Mahkamah.
  
3. Elemen- elemen yang harus dibuktikan oleh pihak pendakwaan pada tahap *prima facie* adalah seperti berikut:-
  - i) Bahawa dadah yang dirampas adalah dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan di bawah **Seksyen 2 ADB 1952**, dan dadah yang dikemukakan di Mahkamah dan/atau dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis adalah bahan yang sama seperti apa yang disita;
  - ii) Bahawa Tertuduh mempunyai milikan dan pengetahuan mengenai kehadiran dadah dalam paket plastik lutsinar

(Eksibit P8) yang dijumpai dalam poket hadapan sebelah kanan seluar yang dipakai oleh Tertuduh.

4. Pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa rantaian keterangan barang kes adalah tidak terputus dan setiap pergerakan barang kes tersebut adalah jelas dan tidak diragui memandangkan pembuktian berkenaan dengan identiti barang kes dan rantaian keterangan barang kes akan memberi kesan langsung kepada asas pertuduhan. Prinsip undang-undang mantap ini juga telah diputuskan berulang kali oleh Mahkamah. Merujuk kepada satu kes Mahkamah Agung iaitu **Teoh Hoe Chye v Public Prosecutor [1987] CLJ (Rep) 386** di mana isu ini telah diputuskan dengan jelas sekali iaitu:-

*“ We would observe at this point that the law is clear in that “ it is unnecessary to call evidence to ensure there is no break in the chain of evidence”. (see **Ah Ping v. PP [1987] 1 MLJ 75**). **But where a doubt as to the identity of an exhibit arises, a failure to adduce evidence to provide the necessary link in the chain pf evidence would be fatal to the prosecution case.”***

### **ISU-ISU UTAMA**

5. Isu-isu utama untuk dipertimbangkan di akhir kes pendakwaan adalah seperti berikut:-

- i) Keraguan dalam identiti barang kes;
- ii) Rantaian keterangan mengenai barang kes telah terputus dan meninggalkan kelompongan yang telah menyebabkan keraguan dalam kes pendakwaan;
- iii) Percanggahan yang ketara di antara saksi-saksi pendakwaan, lebih-lebih lagi Pegawai Penyiasat (SP5) telah ditangkap oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan kes ini; dan
- iv) Kegagalan mengemukakan rakaman CCTV dan laporan polis Cheras/6881/17 serta kegagalan memanggil Penama Hew Chee Kin (ataupun dikenali sebagai Ken) untuk memberi keterangan di Mahkamah telah membangkitkan inferens yang bertentangan terhadap kes pendakwaan di bawah **Seksyen 114(g) Akta Keterangan.**

#### **(A) Keraguan dalam identiti barang kes**

6. Telah timbulnya keraguan dalam identiti barang kes iaitu ketulan kristal dadah syabu yang berada dalam paket plastik lutsinar (Eksibit P9) yang dikatakan dirampas daripada Tertuduh di mana hujahan ini adalah disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan dan bukti-bukti keterangan dokumentari yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan.

a. Perbezaan nombor repot

Nombor repot kes ini	Nombor repot asal yang tertera pada sampul surat “MA” (Sebelum pemindaan)	Nombor repot kedua yang tertera pada sampul surat “MA” (Selepas pemindaan)	Pol-31; Resit Kimia; Laporan Kimia
Cheras/7075/17	Cheras/7078/17		Cheras/6881/17

7. Dalam kes ini, adalah tidak dinafikan bahawa paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah (Eksibit P9) telah disita dari poket hadapan sebelah kanan seluar yang dipakai oleh Tertuduh. Tertuduh kemudian ditangkap dan nombor repot berkenaan dengan tangkapan yang dibuat terhadap Tertuduh adalah Cheras/7075/17.

8. Namun, nombor repot asal yang tertera pada sampul surat bertanda “MA” (Eksibit P1) yang mana mengandungi barang kes adalah Cheras/7078/17. Kemudian, Pegawai Penyiasat (SP5) telah membuat pemindaan ke atas nombor repot yang tertera pada sampul surat bertanda “MA” tersebut, iaitu dipinda dari Cheras/7078/17 ke Cheras/6881/17.

9. Selain daripada laporan polis (Eksibit P5) yang sedia ada dalam kes ini, nombor repot yang tertera dalam kesemua dokumen lain, seperti Pol-31 (Eksibit P7), resit kimia (Eksibit P8), laporan kimia (Eksibit P11) adalah Cheras/6881/17. Oleh yang demikian, ia jelas menunjukkan bahawa barang kes dan dokumen yang dikemukakan di Mahkamah adalah bersangkut dengan kes Cheras/6881/17 dan bukan Cheras/7075/17.

10. Bagi isu perbezaan nombor repot, Pegawai Penyiasat (SP5) telah memberi penjelasan bahawa:-

- Pada 17.3.2017, SP5 menyediakan sampul surat "MA" (Eksibit P1) dan meletakkan nombor repot pada sampul surat tersebut, iaitu Cheras/7078/17 sebelum menghantarkannya ke Jabatan Kimia.
- Apabila tiba di Jabatan Kimia, Ahli Kimia (SP3) mendapati bahawa nombor repot yang tertera pada sampul surat "MA", iaitu Cheras/7078/17 adalah berbeza dengan nombor repot yang tertera pada Pol-31 (Eksibit P7), iaitu Cheras/6881/17. Seterusnya, SP3 menanya SP5 manakah nombor repot yang betul dan SP5 telah meminda nombor repot yang tertera pada sampul surat "MA" dari Cheras/7078/17 ke Cheras/6881/17.

- Selepas SP5 balik ke IPD Cheras dari Jabatan Kimia Malaysia, SP5 mendapati bahawa nombor repot yang tertera pada sampul surat "MA" dan Pol-31, iaitu Cheras/6881/17 adalah berbeza dengan nombor repot bagi kes ini, iaitu Cheras/7075/17.
- SP5 telah menghubungi SP3 pada jam 5.45 petang untuk memberitahu SP3 berkenaan dengan kesalahan nombor repot yang dilakukan dan SP5 memohon untuk membetulkan semula nombor repot yang tertera pada sampul surat "MA" dan Pol-31 tersebut. Oleh sebab SP3 telah tamat kerja pada masa tersebut, SP3 meminta SP5 pergi ke Jabatan Kimia Malaysia pada keesokan hari untuk menerangkan apakah yang sebenarnya berlaku.
- Pada 18.03.2017, pada jam 8.30 pagi, SP5 telah berjumpa dengan SP3 di Jabatan Kimia Malaysia. Setelah SP5 menerangkan kesilapan yang dilakukan oleh beliau, beliau dimaklumkan oleh SP3 bahawa beliau tidak dibenarkan untuk membuat apa-apa pembetulan ke atas nombor repot tersebut ataupun mengusik barang kes tersebut kerana dikhuatiri tercemar.

11. Pegawai Penyiasat (SP5) mengaku bahawa perbezaan repot yang tertera pada sampul surat "MA" (Eksibit P1) dan Pol-31 (Eksibit P7) adalah dilakukan akibat kecuaian beliau, namun adalah tidak dinafikan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh SP5 tersebut adalah satu kesilapan yang serius dan kesilapan tersebut tidak boleh diterima. Fakta ini juga telah disahkan oleh Ketua Pegawai Serbuan (SP2) yang mana pernah memegang jawatan sebagai Pegawai Penyiasat selama tiga (3) tahun sebelum ini.

b. Kesilapan pada Pol-31, secara khususnya tarikh dan nombor repot

12. Pol-31 iaitu permohonan pemeriksaan sampel adalah satu dokumen yang penting di mana ia akan menunjukkan bahawa apakah barang kes yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis dan barang kes yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia tersebut adalah berkaitan dengan kes apa. Oleh itu, seperti yang disahkan oleh Pegawai Penyiasat (SP5), kesemua butiran yang tertera pada Pol-31 adalah penting dan tugas Pegawai Penyiasat adalah untuk memastikan kesemua butiran yang tertera pada Pol-31 adalah tepat.

13. Dalam kes ini, Pegawai Penyiasat (SP5) telah membuat usaha untuk meminda deskripsi barang kes dengan menambah tandaannya

seperti mana yang tertera pada muka surat 2 dalam Pol-31 (Eksibit P7), iaitu 1.1 (1) paket plastik lutsinar bertanda (A1) mengandungi dadah jenis syabu AB: 51.05 gram. Berpandu kepada keterangan yang diberi oleh SP5, Pol-31 memang merupakan satu dokumen yang penting, oleh itu pemindaan perlu dibuat (sekiranya perlu) untuk memastikan butiran yang tertera pada Pol-31 adalah betul.

14. Selain daripada tandaan barang kes yang mana telah dinyatakan di atas, ini adalah kesalahan/kesilapan yang paling material dalam Pol-31 bagi kes ini (Eksibit P7) adalah nombor repot dan tarikh Pol-31 disediakan. Nombor repot yang betul adalah Cheras/7075/17 manakala nombor repot yang tertera pada Pol-31 adalah Cheras/6881/17. Selain itu, tarikh Pol-31 disediakan adalah 14.3.2017 di mana pada 14.3.2017, Tertuduh masih belum ditangkap lagi. Oleh itu, berdasarkan Pol-31 yang dikemukakan, adalah jelas menunjukkan bahawa Pol-31 ini adalah berkaitan kes Cheras/6881/17 di mana tangkapan telah dibuat pada 14.3.2017 atau sebelum 14.3.2017.

15. Meskipun Pegawai Penyiasat (SP5) mengaku bahawa kesalahan/kesilapan yang paling material dan serius dalam Pol-31 bagi kes ini (Eksibit P7) adalah nombor repot dan tarikh,

namun SP5 langsung tidak membuat sebarang pemindaan padanya. Sebaliknya, SP5 memberi penjelasan bahawa kesalahan nombor repot dan tarikh adalah disebabkan bahawa beliau telah membuka satu “template” dari komputer dan beliau telah terlupa untuk padamkan nombor repot yang sedia ada dalam komputer dan beliau telah terlepas pandang untuk “update” nombor repot yang baru. Tambahan pula, SP5 menegaskan bahawa beliau tidak membuat pemindaan ke atas nombor repot dan tarikh pada Pol-31 kerana beliau masih tidak menyedari kesilapan tersebut apabila Pol-31 diserahkan kepada Ahli Kimia (SP3) dan selepas beliau menyedari kesilapan tersebut, SP3 memberitahunya bahawa pemindaan tidak boleh dibuat lagi.

c. Kuantiti dadah yang disita

16. Walaupun berat kasar paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah (Eksibit P9) adalah dinyatakan dalam laporan polis (Eksibit P5), borang serah menyerah (Eksibit P14) dan Pol-31 (Eksibit P7), namun kuantiti dadah yang disita dan berat kasar paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah seperti mana yang tertera dalam dokumen-dokumen tersebut, iaitu 51.5 gram adalah diragui.

17. Dalam kes ini, hanya satu gambar barang kes, iaitu paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah , (Eksibit P6) diambil oleh jurugambar sahaja dan gambar tersebut merupakan satu-satu dokumen yang menunjukkan keadaan paket plastik lutsinar tersebut dan isi kandungan dalam paket plastik lutsinar tersebut sebelum ia dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Dari gambar tersebut, ia seolah-olah menunjukkan bahawa paket plastik lutsinar tersebut tidak mengandungi ketulan kristal dengan penuh, malahan ia juga menunjukkan bahawa saiz bagi kesemua ketulan kristal tersebut adalah setara.

18. Apabila gambar barang kes yang diambil oleh jurugambar (Eksibit P6) dibanding dengan gambar barang kes yang diambil oleh Ahli Kimia, SP3 (Eksibit P12), ia jelas menunjukkan bahawa keadaan paket plastik lutsinar dan isi kandungan dalam paket plastik tersebut adalah tidak berapa sama, di mana dalam gambar barang kes yang diambil oleh Ahli Kimia, ia jelas menunjukkan bahawa paket plastik lutsinar tersebut mengandungi ketulan kristal dengan penuh, malahan saiz bagi kesemua ketulan kristal tersebut adalah tidak sama (kecil dan besar) dan ketulan kristal yang

**besar hanya berada di bahagian atas paket plastik lutsinar tersebut.**

19. Walaupun kebanyakan saksi pendakwaan menyatakan bahawa gambar barang kes yang diambil oleh jurugambar (Eksibit P6) tidak dapat menunjukkan isi kandungan dalam paket plastik lutsinar (Eksibit P9) dengan jelas, namun ketidakjelasan gambar tersebut juga tidak boleh menentu sah bahawa sama ada isi kandungan dalam paket plastik lutsinar tersebut adalah penuh dan sama ada saiz bagi kesemua ketulan kristal yang berada dalam paket plastik tersebut adalah tidak sama dan sama ada ketulan kristal yang besar hanya berada di bahagian atas paket plastik tersebut, seperti yang dilihat dalam gambar yang diambil oleh Ahli Kimia, SP3 (Eksibit P12).

20. Meskipun gambar yang diambil oleh jurugambar adalah tidak jelas, namun Pegawai Penyiasat (SP5) masih tidak mengarahkan jurugambar untuk mengambil beberapa keping gambar barang kes lagi dari beberapa sudut yang berlainan supaya keadaan dan isi kandungan paket plastik lutsinar tersebut boleh dilihat dengan jelas dan dikenalpasti. Selain itu, walaupun Ketua Pegawai Serbuan (SP2) menyatakan bahawa seluar Tertuduh adalah kelihatan bonjol dan

tidak ketara apabila beliau ditangkap dan SP2 dan SP5 masing-masing mengesahkan bahawa sekiranya isi kandungan paket plastik lutsinar (adalah banyak dan paket plastik lutsinar diletakkan dalam seluar, seluar tersebut semestinya akan kelihatan bonjol, namun SP5 juga tidak mengarahkan jurugambar untuk mengambil satu gambar yang menunjukkan paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah diletak dalam poket seluar untuk menunjukkan keadaan seluar. Tanpa gambar tersebut, keadaan paket plastik lutsinar tersebut dalam poket seluar (sama ada kelihatan bonjol atau kelihatan biasa) juga tidak dapat dibuktikan dan keterangan SP2 bahawa poket seluar Tertuduh kelihatan bonjol apabila ditangkap juga tidak boleh dikenal pasti.

21. Keraguan dalam identiti barang kes yang dikemukakan di Mahkamah adalah serius dan keraguan tersebut telah memudaratkan kes pendakwaan ("fatal"). Merujuk kepada kes Pendakwa Raya v Lopatkina Klavdiia (Perbicaraan Jenayah No.: 45A-24-06/2016) di mana Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa:-

*"[25] I have reminded myself that any doubts as to the identity of the exhibits must not be decided hastily. I have therefore gone through the evidence in great detail and unfortunately the*

doubt still remains. It is trite law that any doubts as to the identity of the drugs, what more in a capital case, must be construed in favour of the Accused. To decide otherwise is fundamentally unfair to the Accused.

[26] Having given this issue careful consideration and having given a maximum evaluation to the evidence tendered, I have serious doubts as to the identity of the exhibits which in my view have been tempered with. I am not satisfied that the items produced in Court are in fact the items that were seized. The evidence of the Chemist to put in perspective is the final nail in the coffin.

[27] On the above finding alone, the prosecution's case fails.

..."

(B) Rantaian keterangan mengenai barang kes telah terputus dan meninggalkan kelompongan yang telah menyebabkan keraguan dalam kes pendakwaan

22. Keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan dokumentari turut menunjukkan bahawa rantaian keterangan barang kes dalam kes ini adalah terputus dan penjelasan bagi isu ini langsung tidak disempurnakan oleh pihak pendakwaan, oleh itu ia meninggalkan

kelompongan yang telah menyebabkan keraguan dalam kes pendakwaan.

23. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa nombor repot bagi kes ini adalah Cheras/7075/17. Namun, selain daripada repot tangkapan, langsung tiada sebarang dokumen lagi yang boleh menunjukkan bahawa barang kes yang berkaitan dengan Cheras/7075/17 telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat (SP5) dan seterusnya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis. Sebaliknya, barang kes yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan seterusnya dikemukakan di Mahkamah adalah bersangkut dengan kes Cheras/6881/17.

24. Oleh yang demikian, persoalan yang timbul di sini adalah bagaimanakah pihak pendakwaan boleh membuktikan secara kepastian bahawa barang kes yang dikemukakan di Mahkamah adalah barang kes yang berkaitan dengan kes Cheras/7075/17? Walaupun deskripsi barang kes yang dikemukakan di Mahkamah adalah sama sekali, tetapi tidak boleh menyingkirkan bahawa terdapat kemungkinan deskripsi barang kes berkaitan dengan kes Cheras/6881/17 adalah sama dengan kes Cheras/7075/17.

Lebih-lebih lagi tandaan "MA" yang terdapat pada sampul surat "MA" (Eksibit P1), paket plastik lutsinar (Eksibit P9) dan Pol-31 (Eksibit P7) adalah merupakan "*initial*" Pegawai Penyiasat (SP5) sendiri dan bukan tandaan unik yang menuju kepada kes mana-mana lain yang tertentu.

**(C) Percanggahan yang ketara di antara saksi-saksi pendakwaan, lebih-lebih lagi Pegawai Penyiasat (SP5) adalah ditangkap oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkaitan dengan kes ini.**

25. Terdapat banyak percanggahan yang material dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan di mana percanggahan-percanggahan tersebut telah meragukan asas pertuduhan bagi kes ini.

- i) **Keterangan Ketua Pegawai Serbuan (SP2) adalah diragui**  
➤ Tempat di mana Ken ditangkap

26. Dalam kes ini, adalah tidak dinafikan bahawa kawan Tertuduh, Ken juga telah ditangkap bersama-sama Tertuduh pada 15.3.2017. Ini juga bermakna bahawa selain daripada Ketua Pegawai Serbuan (SP2) dan anggota-anggota serbuan, Ken juga telah hadir di tempat kejadian dan secara logik, beliau sepatutnya telah menyaksikan

segala peristiwa yang berlaku, bagaimanakah Tertuduh ditangkap, di manakah Tertuduh ditangkap, apakah reaksi Tertuduh apabila beliau ditangkap, apakah yang disita daripada Tertuduh, kuantiti dadah yang disita, dan saiz ketulan kristal yang telah disita. Oleh itu, **kedudukan/tempat di mana Ken ditangkap adalah penting dan segala isu yang diraqui yang telah dihujah di bawah isu (A) dan sepatutnya boleh disahkan atau dicanggah / dinafikan oleh Ken yang mana merupakan saksi awam yang material dalam kes ini.**

27. Namun, walaupun Ketua Pegawai Serbuan (SP2) telah banyak disoalkan tentang Ken semasa pemeriksaan balas, **SP2 banyak kali menjawab bahawa Ken telah turun dari kereta Tertuduh apabila tangkapan dibuat dan beliau hanya dan tetap berada di luar kereta Tertuduh yang berada di jarak yang agak jauh dari tempat di mana Tertuduh ditangkap**, iaitu di hadapan 99 Speed Mart, oleh itu Ken tidak nampak dan tidak boleh nampak apa yang telah berlaku. Keterangan SP2 ini adalah **disokong dengan tandaan X1 yang diturunkan oleh beliau pada muka surat 2, gambar tempat kejadian (Google Map) [Eksibit D15(B)] sebagai kedudukan Ken dan kereta Tertuduh**. Dari muka surat 2, gambar tempat kejadian tersebut, ia telah menunjukkan bahawa tandaan X1 yang ditanda oleh SP2 adalah di hadapan sebuah kereta Viva putih yang berada di

sebuah kedai yang tidak mempunyai papan tanda di mana kedai tersebut adalah berada di dua (2) kedai sebelah 99 Speed Mart.

28. Berdasarkan dari keterangan lisan Ketua Pegawai Serbuan (SP2) adalah bercanggah dengan kandungan laporan polis yang dibuat oleh beliau sendiri (Eksibit D16) di mana dalam laporan polis tersebut, SP2 telah jelas menyatakan bahawa Ken telah ditangkap di hadapan 99 Speed Mart di mana tempat tersebut adalah sama dengan tempat di mana Tertuduh ditangkap dan anggota serbuan yang terlibat juga adalah sama seperti tangkapan yang dibuat terhadap Tertuduh. Laporan polis mengenai tangkapan dibuat terhadap Ken telah diperolehi oleh pihak pembelaan selepas SP2 habis memberi keterangan. Seterusnya, pihak pembelaan telah membuat permohonan untuk memanggil semula SP2 untuk pemeriksaan balas mengenai isu ini dan permohonan pihak pembelaan telah dibenarkan oleh Mahkamah.

29. Semasa dipanggil semula dan sebelum laporan polis mengenai tangkapan dibuat terhadap Ken (Eksibit D16) ditunjukkan kepada Ketua Pegawai Serbuan (SP2), SP2 masih mengekalkan keterangan lisan beliau bahawa Ken adalah ditangkap di luar kereta yang berada

di jarak yang jauh dari tempat di mana Tertuduh ditangkap. Keterangan lisan beliau ini adalah tidak pada bila-bila masa dinyatakan dalam laporan polis yang dibuat oleh beliau. Selepas laporan polis ditunjukkan kepada SP2, beliau mengaku bahawa berdasarkan laporan polis mengenai tangkapan yang dibuat Tertuduh (Eksibit P5) dan laporan polis mengenai tangkapan yang dibuat terhadap Ken (Eksibit D16), tempat tangkapan Tertuduh dan Ken adalah sama, namun beliau masih mengekalkan bahawa keterangan lisan beliau bahawa Ken ditangkap di luar kereta yang berada di jarak yang jauh dari tempat di mana Tertuduh ditangkap adalah betul, dan pada masa yang sama beliau menyatakan bahawa kandungan laporan polis yang dibuat olehnya juga adalah tepat dan betul.

30. Keterangan Ketua Peqawai Serbuan (SP2) perlu dinilai dengan berhati-hati kerana ia adalah mustahil untuk keterangan lisan beliau dan laporan polis beliau ( Eksibit D16 ) bersama-sama betul memandangkan tempat di mana Ken ditangkap yang dinyatakan dalam laporan polis dan keterangan lisan beliau adalah bercanggah di antara satu sama lain.

31. Ketua Peqawai Serbuan (SP2) telah menjelaskan semasa pemeriksaan semula bahawa beliau menangkap Ken yang

mana berada di luar kereta Tertuduh hanya disebabkan bahawa beliau dipandu arah dan dibawa oleh Tertuduh untuk melakukan pemeriksaan terhadap Ken. Mahkamah mendapati penjelasan SP2 adalah tidak munasabah kerana ia tidak mempunyai apa –apa sebab utama untuk Tertuduh membawa SP2 untuk menangkap kawan beliau (Ken) yang mengidap kanser limfoma dan ia tidak memberi sebarang manfaat kepada Tertuduh, melainkan jika dadah yang disita tersebut adalah kepunyaan Ken. Keterangan Ketua Pegawai Serbuan (SP2) adalah rekaan semata mata kerana keterangan ini langsung tidak diberikan sebelum SP2 dipanggil semula dan sekiranya ia adalah benar bahawa Tertuduh yang membawa beliau pergi menangkap Ken, pernyataan ini juga seharusnya telah dicatatkan di dalam laporan polis kerana Ken hanya ditangkap berdasarkan pandu arah Tertuduh dan maklumat yang diberikan oleh Tertuduh. Namun di dalam kes ini “ penjelasan yang diberikan oleh SP2 ini ” adalah tidak pernah dinyatakan dalam mana-mana laporan polis oleh SP2 sendiri, sama ada laporan polis mengenai tangkapan dibuat terhadap Tertuduh (Eksibit P5) ataupun laporan polis mengenai tangkapan dibuat terhadap Ken ( Eksibit D16).

32. Percanggahan dalam kandungan laporan polis mengenai tangkapan dibuat terhadap Ken ( Eksibit D16 ) dan keterangan lisan Ketua Pegawai Serbuan (SP2) ini adalah material kerana ia telah membawa kepada dua (2) maksud yang berlainan dan ia adalah suatu percanggahan material mengenai fakta sebenar yang menjadi tunjang / akar (“root ”) bagi kes pendakwaan. Percanggahan – percanggahan material di dalam kes ini telah menjadikan keterangan yang diberikan oleh saksi – saksi utma pendakwaan tidak menyakinkan malah ianya meragukan. Keraguan ini menjelaskan keterangan penting di mana keseluruhan kes pendakwaan disandarkan. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sabitan terhadap seseorang tertuduh hanya boleh dibuat jika tidak terdapat keraguan yang munasabah dalam keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

(D) Kegagalan mengemukakan rakaman CCTV dan laporan polis Cheras/ 6881/17 serta kegagalan memanggil Penama Hew Chee Kin ( Ken ) untuk memberikan keterangan di Mahkamah membangkitkan inferens yang bertentangan terhadap kes pendakwaan di bawah Seskyen 114 (g) Akta Keterangan.

(i) Rakaman CCTV

33. Semasa Pegawai Penyiasat (SP5) memberikan keterangan, beliau telah menegaskan bahawa beliau telah pergi ke 99 Speed Mart dengan Ketua Pegawai Serbuhan (SP2) dan jurugambar pada 18.3.2017 dan ketiga –tiga mereka telah menonton dua (2) rakaman CCTV yang berada di dalam dan luar 99 Speed Mart tersebut. Menurut Pegawai Penyiasat dari rakiaman CCTV yang berada di dalam 99 Speed Mart, ia telah menunjukkan bahawa Tertuduh berjalan keluar dari 99 Speed Mart dan belaiu seterusnya ditangkap oleh SP2. Semasa pemeriksaan balas, Pegawai Penyiasat (SP5) mengesahkan bahawa beliau tidak ingat tempoh masa rakaman CCTV yang ditonton oleh mereka dan tempoh masanya juga tidak dicatatkan di dalam ID beliau. Sekiranya rakaman CCTV ditonton atau diteliti dari tempoh jam 8.25 sehingga 9 malam, SP5 pasti dapat melihat segala peristiwa yang berlaku dan mengenal pasti sama ada Ken ditangkap di hadapan 99 Speed Mart seperti yang dinyatakan di dalam laporan polis (Eksbit D16) ataupun di luar kereta yang berada di jarak yang agak jauh dari tempat di mana Tertuduh ditangkap. Rakaman CCTV tidak dikemukakan di dalam Mahkamah. Pegawai Penyiasat

(SP5) menegaskan bahawa beliau tidak dapat mengemukakan rakaman kedua – dua CCTV kerana tidak diberi kebenaran untuk mendapatkan rekaman oleh Management 99 Speed Mart. Kenyataan ini adalah tidak logik dan tidak munasabah kerana polis memang mempunyai kuasa untuk mendapatkan rakaman CCTV yang berkaitan. Kegagalan Pegawai Penyiasat (SP5) untuk mengemukakan rakaman CCTV ataupun membuat usaha untuk mendapatkan rakaman CCTV daripada 99 Speed Mart telah menimbulkan kelompongan di dalamj kes pendakwaan.

**(ii) Laporan Polis Cheras /6881/17**

34. Nombor report yang bertulis pada sampul surat “MA” ( Eksibit P1) , Pol-31 (Eksibit P7), resit kimia (Eksibit P8) dan laporan kimia (Eksibit P11) adalah Cheras/6881/17 di mana nombor report ini bukan nombor report yang berkaitan dengan kes Tertuduh. Terdapat banyak isu dan persoalan timbul berkaitan dengan identiti barang kes. Walaupun Pegawai Penyiasat (SP5) telah memberikan penjelasan mengenai nombor report Cheras/6881/17 namun selain daripada penjelasan yang telah diberikan oleh SP5 adalah tidak munasabah dan persoalan berbangkit berkaitan identiti sebenar barang kes. Sekiranya laporan polis

Cheras/6881/17 dikemukakan oleh pihak pendakwaan, ianya dapat membuktikan bahawa barang kes yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisa adalah barang kes report yang mana satu?. Adakah ianya berkaitan dengan Kes Cheras /6881/17 atau kes Cheras/7075/17? Sekiranya laporan Cheras/6881/17 dikemukakan Mahkamah akan mengenalpasti sama ada jenis dadah yang disita dalam kes Cheras/6881/17 adalah sama dengan kes ini, sama ada tarikh tangkapan bagi kes ini adakah sama dengan tarikh Tertuduh ditangkap dan sama ada tandaan yang digunakan dengan Cheras/6881/17 adakah sama atau tidak dengan kes Tertuduh. Kegagalan mengemukakan laporan polis Cheras /6881/17 merupakan satu kesalahan yang amat memudaratkan ("fatal") dan telah meninggalkan kelompongan yang menyebabkan keraguan di dalam kes pendakwaan.

**(iii) Penama "Ken"**

35. Di dalam kes ini, Ken telah ditangkap bersama-sama dengan Tertuduh pada 15.3.2017. Walau bagaimanapun, tempat di mana Ken ditangkap, sama ada di hadapan 99 Speed Mart seperti yang dilaporkan di dalam laporan polis (Eksibit D16).

atau di luar kereta yang berada di jarak yang agak jauh daripada Tertuduh seperti keterangan lisan Ketua Pegawai Serbuan (SP 2) adalah salah satu persoalan yang berbangkit di dalam kes ini. Memandangkan kesemua saksi pendakwaan telah mengesahkan kehadiran atau kewujudan Ken dan peranan Ken juga telah banyak dibangkitkan oleh pihak pembelaan, dan keterangan saksi – saksi pendakwaan adalah bercanggah di antara satu sama lain, Mahkamah berpendapat pihak pendakwaan seharusnya memanggil Ken sebagai saksi kerana hanya beliau sahaja yang boleh membuktikan versi pihak pendakwaan mana yang betul dan beliau juga boleh memberikan maklumat dari keterangan beliau apakah sebenarnya yang telah berlaku pada hari kejadian. Laporan polis terhadap tangkapan Ken (Eksibit D16) telah dibuat dan nama penuh Ken, nombor kad pengenalan dan alamat Ken telah berada di dalam rekod polis, malangnya Ken tidak dipanggil untuk memberikan keterangan beliau sebagai saksi. Kegagalan memanggil Ken telah membangkitkan inference yang bertentangan terhadap kes pendakwaan di bawah Seksyen 114 (g) Akta Keterangan 1950.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hujahan di atas mengenai percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan, kepincangan-kepincangan serta isu-isu penting dan material yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan, Mahkamah mendapati bahawa Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie ke atas Tertuduh. Oleh yang demikian, Tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan tanpa perlu dipanggil untuk membela diri.

**Bertarikh : 30 November 2018**

**MAHYON BINTI TALIB  
HAKIM  
MAHKAMAH SESYEN JENAYAH 15  
KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR**